

Model pembangunan flet kos rendah wajar dirombak

» *Tiada tempat riadah remaja, tak mesra penghuni*

Oleh **Kalsom Rahmathulah**
bhnews@bh.com.my

✦ **Georgetown**

Model pembangunan kawasan perumahan pangsapuri kos rendah perlu dirombak berikutan reka bentuk sedia ada didapati kurang mesra dan tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa.

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Fakri Zaky Jaafar, berkata berdasarkan kajian yang dilakukan, pihaknya mendapati kebanyakan pangsapuri kos rendah ketika ini tidak memiliki kawasan riadah remaja.

Katanya, aspek persekitaran rumah penting kerana ruang itu mempengaruhi bagaimana seseorang remaja membesar kesan daripada pergaulan dan aktiviti sosial hariannya dari usia kanak-kanak lagi.

"Hasil kajian sejak 2014 mendapati betapa pentingnya kawasan riadah bagi golongan remaja turut disediakan di sesuatu kawasan perumahan te-



Mohd Zaky (kiri) berbincang mengenai **inovasi reka bentuk yang dihasilkan** di Batu Ferringhi, semalam. (FOTO ZULAIKHA ZAINUZMAN/BH)

rutamanya kediaman bertingkat.

"Berikutan itu kita tampil dengan konsep reka bentuk rumah berkeluasan bawah 1,000 kaki persegi dengan tiga bilik tidur tetapi mempunyai ruang khas hasil penggunaan perabot pintar," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Reka bentuk dipamer

Kajian reka bentuk kediaman dan pembangunan perumahan yang turut memabitkan

penyelidik dari beberapa universiti awam tempatan itu dijadual dipamerkan pada Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Ekonomi Perniagaan di London, hujung bulan ini.

Mohamad Fakri berkata, antara penambahbaikan yang turut dicadangkan adalah penggunaan tempat letak kereta bertingkat, taman permainan serta ruang rekreasi khas dan penggunaan ruang maksimum.

"Reka bentuk baharu ini

boleh dibangunkan di tapak seluas lapan hektar sahaja, di mana 2,000 unit kediaman lengkap bersama kawasan riadah dan infrastruktur lain boleh dibina bersama.

"Kita berharap model ini dapat diterima oleh pemaju khususnya bagi membina pangsapuri kos rendah kerana dijangkakan 1.5 juta remaja bakal berhadapan masalah sosial sekiranya konsep perumahan sedia ada diteruskan," katanya.